

Muara cetek jejas rezeki nelayan

Puluhan bot tersadai tak dapat turun ke laut, kerajaan diminta bina beting penahan ombak atasi masalah

■ MOHD AZLIM ZAINURY

MARANG—Nelayan di Merchang mendakwa pendapatan mereka terjejas kerana hanya dua kali keluar menangkap ikan dalam tempoh dua bulan akibat muara sungai yang digunakan sebagai laluan utama bot untuk keluar masuk ke laut cetek.

Keadaan itu turut menyebabkan puluhan bot tersadai di sungai Merchang kerana tidak dapat keluar mencari rezeki, selain nelayan terpaksa menempatkan bot di lokasi lain

yang lebih jauh sekiranya masih hendak keluar ke laut.

Bagi mengatasi masalah itu, nelayan di tiga kampung sekitar Merchang meminta pihak kerajaan dapat menyelesaikan masalah tersebut demi menjaga kepentingan mereka yang semata-mata bergantung kepada rezeki dari laut.

Harap kerajaan tunai janji

Nelayan, Supri Mansor, 51, berkata, masalah muara cetek turut menjejaskan pendapatan nelayan yang terpaksa 'berehat' dari turun ke laut dan bergantung pada bantuan sara hidup serta lain-lain bantuan.

"Kami tidak dapat ke laut bukan sahaja sebab faktor angin dan laut bergelora, malah masalah muara cetek. Masalah ini sudah lama berlaku, tetapi masih belum selesai sepenuhnya sehingga sekarang.

"Kalau tidak dapat ke laut kerana ombak besar pada musim tengkujuh, kami dapat terima. Tapi sekarang, walaupun tengkujuh sudah berakhir, kami masih perlu 'berehat' kerana masalah muara cetek," katanya, semalam.

Menurut Supri, sehingga sekarang, tiada cara berkesan bagi mengatasi masalah itu, selain membina beting penahan ombak untuk menanganinya.



Zamri juga senasib dengan rakan lain apabila hanya dapat keluar menangkap ikan dua kali dalam tempoh dua bulan.

lah air cetek di muara sungai Merchang yang membelenggu mereka sejak sekian lama.

"Kami harap kerajaan dapat menunaikan janji mereka untuk adakan kemudahan itu. Sekiranya masalah itu (muara cetek) masih berlaku selepas beting penahan ombak dibina, kami akur. Tapi, pembinaan itu perlu dilakukan terlebih dahulu," katanya.

Mohon bina beting penahan ombak

Seorang lagi nelayan,

Zakaria Hussain, 56, meminta supaya masalah muara sungai cetek itu diatasi dengan cara lebih berkesan, bukan hanya melalui kerja mendalamkan muara, tetapi juga dengan penyediaan beting penahan ombak.

"Bagi saya (mendalamkan muara) itu adalah penyelesaian jangka pendek untuk kemudahan kami (nelayan) turun ke laut. Kerja mendalamkan muara ini sering dilakukan pihak kerajaan, tetapi muara akan cetek semula.

"Kami hanya bergantung pada hasil laut dan sejak Januari lalu sampai hari ini, hanya dua kali dapat keluar menangkap ikan. Bayangkan dalam tempoh hampir dua bulan, dua kali sahaja kami dapat keluar ke laut mencari rezeki," katanya.

Rakannya, Zamri Salleh, 42, berkata, masalah muara cetek perlu dikaji dengan teliti, malah pihak berkaitan diminta mencari alternatif terbaik bagi mengatasi masalah itu dan bukannya melalui perancangan jangka pendek sahaja.

"Kita akui ada usaha dilakukan pihak kerajaan, tapi mereka perlu membuat perancangan jangka panjang. Bukan sekadar mendalamkan laluan sedia ada, tetapi membina atau mewujudkan beting penahan ombak.

"Nelayan disini (Merchang) juga berharap mendapat perhatian seperti nelayan di (bandar) Marang yang dapat keluar ke laut pada bila-bila masa sepanjang cuaca baik kerana muara sungai Marang ada beting penahan ombak," katanya.

Banyak kali buat aduan

Sementara itu, keluhan nelayan di Merchang juga sudah acap kali diutarakan kepada pemimpin setempat, termasuk Pengerusi Jawatankuasa Transformasi Kerajaan, Komunikasi dan Multimedia negeri, A Latiff Awang.



ZAKARIA



ZAMRI

A Latiff juga telah beberapa kali turun padang, termasuk membuat tinjauan bersama Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran negeri, C Poobalam bagi bertemu mata dengan golongan nelayan bagi mengatasi masalah berkenaan.

Sehubungan itu, nelayan setempat khususnya di kawasan berkenaan berharap wakil rakyat tunggal BN di Marang itu dapat terus memperjuangkan nasib mereka walaupun memakan masa yang panjang.



“ Kami tidak dapat ke laut bukan sahaja sebab faktor angin dan laut bergelora, malah masalah muara cetek. Masalah ini sudah lama berlaku, tetapi masih belum selesai sepenuhnya sehingga sekarang.” - Supri



Bot nelayan yang tersadai di muara sungai Merchang kerana muara cetek.